


MAKLUMAT

PESAKIT

Ubat Untuk Merawat

Penyakit Tekanan Darah Tinggi

*Perencat ACE
(Enzim Penukar Angiotensin)*



Medicine To Treat: Hypertension
ACE (Angiotensin Converting Enzymes) Inhibitors

APAKAH KEGUNAAN PERENCAT ACE?

Perencat ACE digunakan untuk mengurangkan pengeluaran sejenis bahan yang dikenal sebagai angiotensin II yang menyebabkan saluran darah menjadi lebih sempit.

APAKAH KESAN SAMPINGAN PERENCAT ACE?

Kesan sampingan yang biasa ialah batuk yang kering yang berterusan dan amat mengganggu. Kesan-kesan sampingan yang lain adalah tidak lazim seperti ruam, kehilangan deria rasa dan rasa pitam ketika hendak bangun.

APAKAH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG HARUS DIAMBIL?

Sekiranya anda hamil atau merancang ingin hamil, adalah wajar bagi anda memberitahu doktor anda. Ubat ini tidak boleh diambil bersama ubat diuretik yang berdos tinggi kerana ianya boleh menyebabkan tekanan darah yang rendah. Doktor anda mungkin perlu memeriksa anda berkenaan dengan ketidak seimbangan elektrolit anda semasa anda dalam rawatan dengan ubat ini.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak

APAKAH PERENCAT ACE YANG BIASA DIGUNAKAN?

- Captopril
- Enalapril
- Lisinopril

APAKAH HARUS SAYA BUAT SEKIRANYA SAYA TERLUPA SATU DOS?

Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambillah dos yang tertinggal itu sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya masa untuk dos yang tertinggal itu berhampiran dengan dos yang selanjutnya teruskan dengan dos kebiasaan anda tanpa mengambil dos tambahan.

BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT SAYA ?

- Simpan ubat anda di tempat yang sejuk, kering dan terpelihara dari kelembapan, kepanasan dan sinaran tepat matahari, kecuali diarahkan.
- Simpan ubat di dalam bekas aslinya yang berlabel. Jangan campur-adukkan ubat-ubat yang lain dalam satu bekas.

Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi